



KESILAPAN MEMBAWA MAUT

MENGAPA MALAYSIA MESTI MANSUHKAN HUKUMAN MATI

Amnesty International ialah sebuah gerakan sejagat yang dianggotai oleh 7 juta orang yang berkempen untuk seluruh dunia dimana hak asasi manusia dapat dinikmati semua.

Visi kami ialah supaya semua orang dapat menikmati hak-hak yang terkandung dalam Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia dan lain-lain standard hak asasi manusia.

Kami bebas dari mana-mana pengaruh kerajaan, ideologi politik, kepentingan ekonomi dan agama, dan kami dibiayai oleh yuran keahlian dan sumbangan awam.

© Amnesty International 2019

Kecuali dinyatakan sebaliknya, kandungan dokumen ini dengan kebenaran (atribusi, bukan dagangan, bukan derivative, antarabangsa 4.0) lesen.

<https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/legalcode>

Untuk maklumat lanjut, sila lawati mukasurat untuk kebenaran di laman web kami www.amnesty.org

Dimana bahan-bahan di atribusi kepada pemilik hakcipta terpelihara selain Amnesty International, bahan ini tidak tertakluk kepada lesen Creative Commons.

Diterbitkan kali pertama pada 2019
oleh Amnesty International Ltd
Peter Benenson House, 1 Easton Street
London WC1X 0DW, UK

Index: ACT 50/1078/2019

Bahasa asal: English

amnesty.org



Gambar depan: Amaran keras tentang hukuman mati mandatory di Malaysia terhadap pengeadar daga di atas dinding perimeter Penjara Pudu, Kuala Lumpur yang bersejarah. Gambar di ambil pada tahun 1 Nov 2007. Penjara tersebut telah dirobohkan pada 2010

© TENGKU BAHAR/AFP/Getty Images

**AMNESTY
INTERNATIONAL**



RINGKASAN EKSEKUTIF

“Di Putrajaya, apabila seorang hakim memberitahu saya tentang hukuman itu—Oh Tuhanku saya tidak mahu gunakan perkataan itu, *gantung*—saya sengaja menoleh muka kearah lain. Pada saya, sebagai seorang ibu, saya mahu anak saya kembali sebelum saya menutup mata.”

Ibu kepada seorang penerima hukuman mati, Ogos 2019

“[Kita perlu] hapuskan hukuman mati kerana sistem keadilan jenayah tidak sempurna. Menghukum seorang manusia tidak mungkin akan selamat”

Peguam Malaysia, Ogos 2019

Hoo Yew Wah, seorang rakyat Malaysia berbangsa Cina, sedang menunggu hukuman mati di Penjara Bentong, Pahang, sejak 2011. Beliau ditahan pada usia 20 tahun kerana memiliki 188.35 gram methamphetamine dan disabitkan kesalahan berasaskan kenyataan yang dibuatnya kepada pihak polis dalam Bahasa Mandarin, bahasa ibundanya, tanpa kehadiran peguam. Kenyataan tersebut kemudiannya dicatat dalam Bahasa Malaysia oleh pihak polis. Hoo kemudiannya mencabar kenyataan tersebut di mahkamah kerana kenyataan tersebut tidak tepat, dan beliau juga menambah bahawa pihak polis telah menyeksanya dengan mematahkan jarinya ketika disoalsiasat dan polis juga mengugut akan memukul teman wanitanya untuk memaksa Hoo menandatangani kenyataan tersebut. Setelah hakim menolak dakwaan beliau tanpa penyiataan lanjut, Hoo Yew Wah dianggap sebagai bersalah atas kesalahan mengedar dadah dan dihukum mati, satu-satunya hukuman yang wajib untuk kesalahan tersebut. Rayuan pengadilannya gagal dan petisyen pengampunan Hoo masih tergantung sejak 2014. Sepertimana pesalah-pesalah lain yang menunggu hukuman mati, beliau tidak terdedah kepada risiko digantung kerana kerajaan telah menetapkan satu moratorium menyeluruh ke seluruh negara terhadap pelaksanaan hukuman mati mulai bulan Julai 2018. Walau bagaimanapun, kes ini masih tiada kata putus.

Kes Hoo Yew Wah menunjukkan terdapat banyak pelanggaran undang-undang hak asasi dan amalan berkenaan penggunaan hukuman mati di Malaysia, sebagaimana yang dilaporkan dalam laporan ini. Ini termasuklah bantuan guaman yang tidak menyeluruh; kekurangan keprihatinan terhadap penyeksaan dan lain-lain kekejaman ketika dalam siasatan polis; penggunaan kenyataan atau maklumat yang diperolehi tanpa kehadiran pihak peguam; anggapan bersalah dalam kes-kes pengedaran dadah; proses

pengampunan yang penuh rahsia; dan penggunaan meluas hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan yang tidak menepati kriteria “jenayah paling serius” atau pembunuhan yang berniat.

Skala masalah ini sangat ketara. Sehingga Februari 2019, 1,281 orang telah dilaporkan dihukum mati di Malaysia, termasuk 568 org (44%) warga asing. Dari jumlah keseluruhan tersebut, 73% telah dihukum kerana pengedaran dadah. Angka ini meningkat dengan pesat sehingga 95% di kalangan wanita. Bilangan golongan kaum minoriti tertentu juga terlebih diwakili di kalangan pesalah hukuman mati, manakala maklumat yang ada menunjukkan sebahagian besar dari pesalah ini adalah dari golongan adalah dari taraf sosioekonomi yang rendah.

Pada ketika ini, hukuman mati kekal untuk 33 jenis kesalahan di Malaysia, termasuk 12 kesalahan dimana hukuman ini ialah hukuman wajib, dan dalam beberapa tahun kebelakangan ini dipakai terutamanya untuk kesalahan membunuh atau mengedar dadah. Amnesty International mendapati bahawa dalam kes yang dikaji, kebanyakan lelaki dan wanita yang disabitkan atas kesalahan membawa kuantiti dadah yang kecil, berfungsi sebagai keldai dadah dan tidak melibatkan sebarang keganasan. Undang-undang antarabangsa melarang penguatkuasaan hukuman mati wajib, dan hanya membenarkan hukuman ini digunakan untuk kesalahan yang menepati tahap jenayah paling serius, seperti membunuh dengan niat.

Bagaimanapun, terdapat peluang penting untuk perubahan di Malaysia. Pada bulan Julai 2018, kerajaan yang baru telah menetapkan moratorium atas hukuman dan kemudiannya memberikan komitmen untuk menghapuskan hukuman mati. Lewat tahun 2019, kerajaan dijangka membentangkan rang undang-undang di Parlimen Malaysia yang bakal menjadi langkah permulaan untuk menghapuskan hukuman mati mandatori bagi 11 jenis kesalahan, tetapi mereka gagal dalam komitmen mereka untuk penghapusan penuh. Menjelang permulaan sesi parlimen pada Oktober 2019, Amnesty International mencadangkan supaya pihak berkuasa membentangkan rang undang-undang tersebut secepat mungkin untuk menangani kelemahan ketara yang digariskan dalam laporan ini. Ini bertujuan menghalang penguatkuasaan hukuman mati sewenang-wenangnya, dan sebagai langkah awal ke arah penghapusan sepenuhnya hukuman tersebut.

Laporan ini berdasarkan kepada maklumat yang dikumpulkan oleh Amnesty International melalui kajian dan temuramah, yang terbaru dijalankan pada bulan Ogos 2019. Analisis tentang hukuman mati di Malaysia menggunakan data yang diterima melalui sumber-sumber rasmi pada bulan Februari 2019 dan dilengkapi dengan maklumat dari 150 penghakiman mahkamah yang didapati online. Amnesty International juga menemuduga secara bersemuka dengan 32 ahli keluarga dan kawan-kawan mereka yang dijatuhkan hukuman mati, peguam-peguam yang berpengalaman mengendalikan kes-kes hukuman mati dan wakil-wakil dari kedutaan-kedutaan luar, antara lain. Amnesty International telah memohon maklumat dan peluang untuk berhubung dengan banduan akhir dari pihak berkuasa berulang kali, termasuklah untuk tujuan menyediakan laporan ini. Kesemua permohonan telah ditolak atau tidak mendapat maklumbalas pada masa laporan diterbitkan.

ISU PERBICARAAN YANG ADIL

Hak untuk dibicarakan secara adil merupakan hak asasi manusia dan merupakan sebahagian dari undang-undang adat peringkat antarabangsa. Ketika menjalankan kajian untuk laporan ini, Amnesty International telah mendapati pelbagai pelanggaran ke atas hak untuk dibicara dengan adil pada beberapa peringkat dalam proses keadilan jenayah. Ini mengakibatkan pihak tertuduh terdedah kepada hukuman mati.

Sekatan ke atas nasihat guaman masih menjadi kelemahan utama dalam sistem keadilan Malaysia. Menurut Perlembagaan Persekutuan Malaysia, orang yang ditahan sepatutnya boleh mendapatkan khidmat nasihat dan pembelaan oleh pengamal undang-undang yang mereka pilih apabila ditahan. Malaysia mempunyai tiga skim bantuan guaman yang melibatkan kes-kes dengan hukuman mati—salah satunya diuruskan oleh mahkamah yang menyediakan khidmat guaman percuma pada tahap perbicaraan dan rayuan, satu lagi dikendalikan oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang meliputi tahap sebelum perbicaraan sebenar dan juga penyediaan permohonan pengampunan, terhad kepada warganegara Malaysia. Badan Peguam Malaysia juga menjalankan pusat bantuan guaman yang dibiayai mereka sendiri. Peguam dalam program ini boleh secara sukarela mewakili pihak tertuduh pada peringkat reman di mahkamah majistret, tidak kira jenayah ataupun kewarganegaraan tertuduh.

Walau bagaimanapun, dengan wujudnya program-program tersebut, pihak peguam dan wakil-wakil tahanan hukuman mati memberitahu Amnesty International bahawa dalam pengalaman mereka, amat biasa bagi mereka yang ditahan atas kesalahan yang membawa hukuman mati dan tidak berupaya melantik peguam mereka sendiri, tidak mendapat bantuan guaman pada peringkat dibawah tahanan reman polis, sebelum tuduhan di buat. Seorang peguam yang berkait dengan Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam juga mengjangkakan bahawa program bantuan guaman hanya berjaya meliputi lebih kurang 60% ke 70% kes

pada peringkat penahanan dan reman. Ini disebabkan kekurangan sumber manusia dan masalah ini semakin ketara di luar Kuala Lumpur. Tambahan pula, kerana struktur skim bantuan guaman, tiada wakil peguam yang dilantik untuk mengendalikan sesuatu kes sehingga perbicaraan bermula. Ini menyebabkan defendan tidak diwakili peguam untuk jangkamasa yang panjang, termasuk semasa disoal siasat.

Aduan-aduan lain termasuklah kelewatan makluman diberi kepada pusat bantuan guaman, ahli keluarga dan peguam orang yang ditahan. Saudara-mara tahanan memberitahu Amnesty International yang ahli keluarga hanya dapat berjumpa peguam buat pertama kali semasa mereka didakwa di mahkamah majistret, beberapa hari selepas ditahan. Kedutaan-kedutaan asing juga menyatakan bahawa mereka biasanya menerima pemberitahuan penahanan rakyat mereka selepas lebih 24 jam, kadangkala selepas beberapa hari, "biasanya selepas kenyataan di ambil."

Satu lagi isu ialah kualiti wakil guaman, jika ada. Beberapa ahli keluarga dan peguam-peguam memberitahu Amnesty International ada kalangan peguam tertuduh yang kurang cekap, tidak berpengalaman atau terlibat dalam salah laku ketika mewakili mereka yang mempunyai tahap sosioekonomi yang rendah. Ini amat bermasalah, memandangkan di Malaysia pembelaan baru di peringkat rayuan amat sukar dilakukan.

Masalah tambahan pula ialah kekurangan penerjemah. Undang-undang Malaysia menjamin terjemahan kepada mereka yang tidak faham bahasa yang digunakan semasa pembuktian dibuat, tetapi terjemahan ini tidak disediakan di luar mahkamah. Bantuan yang diberikan kepada rakyat asing dalam penyediaan pembelaan diri bergantung kepada sokongan yang diberikan oleh kedutaan asing yang berkenaan—dan dalam sesetengah kes bergantung kepada kaum rakyat asing tersebut. Beberapa wakil guaman memberi contoh pihak tertuduh yang tidak faham Bahasa Malaysia telah diminta oleh polis untuk menandatangani dokumen dalam bahasa tersebut. Seorang wanita warga asing telah dijatuhkan hukuman mati setelah teman lelakinya – yang ditangkap bersamanya dan kemudian dilepaskan – menjawab semua soalan bagi pihaknya semasa soalsiasat kerana teman lelakinya boleh berbahasa Inggeris. Walaupun wanita itu mendakwa dia tidak dapat memberikan kenyataan sendiri kepada pihak polis, pihak hakim menolak dakwaan ini kerana ia ditimbulkan agak lewat dalam proses perbicaraan.

Tambahan pula, dalam kes-kes hukuman mati, seorang majistret boleh memberi kebenaran kepada pihak polis untuk menahan tertuduh yang disyaki melakukan jenayah lebih dari 24 jam bagi membantu siasatan, sehingga 14 hari. Orang yang ditemuramah Amnesty International mengatakan bahawa sudah menjadi kebiasaan seorang defendan dipukul untuk mendapatkan maklumat bagi membantu siasatan, terutamanya jika tidak diwakili peguam. Amalan melakukan seksaan dan lain-lain penderaan di balai polis sering di bangkitkan oleh Suaram, sebuah NGO hak asasi manusia di Malaysia. Selepas lawatan ke Malaysia pada tahun 2010, pihak UN Working Group on Arbitrary Detention juga menyatakan selepas lawatan ke negara ini pada ahun 2010, "Hampir semua tahanan yang ditemuramah mengatakan mereka dilayan dengan buruk, diseksa di balai polis dan pusat tahanan untuk mendapatkan pengakuan atau bukti-bukti yang akan menunjukkan mereka bersalah.

Undang-undang Malaysia pada amnya melarang pendakwaan dari menggunakan kenyataan yang memberatkan diri sendiri, termasuk maklumat yang diperolehi setelah pihak tertuduh diseksa dan diberikan layanan buruk lain, tetapi bagi kesalahan yang membawa hukuman mati, kenyataan ini boleh diterima sebagai bukti di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952. Ini amat membimbangkan kerana sebarang pembelaan yang tidak dikemukakan pada peluang yang pertama akan dianggap oleh hakim sebagai alasan yang terfikir kemudian. Pengubahan kenyataan juga dianggap sebagai kekurangan.

Amnesty International juga bimbang dengan pengekalan anggapan bawah Seksyen 37 Akta Dadah Merbahaya, 1952. di mana defendan yang ditahan dengan sejumlah dadah atau hanya dengan memilik atau mengawal alat ataupun premis di mana dadah dijumpai, orang tersebut boleh disabitkan dengan kesalahan memiliki dan mengedar dadah tanpa perlu ada bukti lain yang menghubungkan dia dengan dadah tersebut. Dalam hal ini, beban pembuktian beralih ke pihak defendan, dan berlawanan dengan anggapan tidak bersalah dan jaminan untuk diberi perbicaraan yang adil. Hal yang sama boleh berlaku untuk kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Kelemahan-kelemahan ini lebih membimbangkan lagi bila mengambil kira undang-undang Malaysia tidak membenarkan kes-kes jenayah dibuka semula dengan alasan terdapat fakta yang baru diperolehi setelah penghakiman akhir diberikan – prosedur yang terpakai di banyak negara-negara lain dan di hadapan tribunal jenayah antarabangsa. Jaminan ini amat kritikal terutamanya yang membabitkan hukuman mati, bagi memastikan sabitan tersebut berasaskan bukti-bukti yang jelas dan meyakinkan tiada ruang untuk penjelasan alternatif kepada fakta-fakta. Dalam sebuah kes, Mahkamah Persekutuan enggan membenarkan permohonan seorang lelaki yang tertakluk kepada hukuman mati, Mainthan a/l Armugam, untuk mengkaji semula kesnya, walaupun sabitan kesalah membunuh terhadapnya hanya berdasarkan kenyataan saksi

yang melihat dia berhampiran dengan seorang lelaki yang disangkakan dibunuh olehnya, tetapi kemudian didapati masih hidup.

HAK UNTUK PENGAMPUNAN: KETELUSAN DIPERLUKAN

Proses pengampunan yang legap dan kurang telus ialah salah satu lagi isu yang mendedahkan tertuduh kepada risiko pelbagai keputusan yang boleh membawa kepada hukuman mati. Hal ini menjadi lebih membimbangkan sejak Liew Vui Keong, menteri yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal undang-undang di Jabatan Perdana Menteri, berkata Lembaga Pengampunan boleh menjadi satu mekanisma untuk menghukum semula mereka yang telah dijatuhkan hukuman mati, setelah hukuman mati mandatori dimansuhkan. Cadangan tersebut boleh memindahkan kuasa menghukum dari pihak penghakiman kepada pihak eksekutif, dan mengalihkan pengumuman ke arah struktur yang kurang telus dimana tiada lagi peluang membela diri, dan juga keadaan mitigasi tidak dibentangkan tidak disiasat sepenuhnya.

Proses memohon pengampunan tidak diuraikan melalui undang-undang dengan jelas dan terperinci, malahan undang-undang juga tidak menyatakan apakah kriteria yang patut digunakan untuk keputusan atau bagaimana keputusan sepatutnya diumumkan.

Seorang pengamal undang-undang professional yang terlibat dalam menyediakan petisyen pengampunan mendapat tahu dari pihak berkuasa penjara bahawa terdapat empat faktor yang biasa dipertimbangkan: sama ada jenayah tersebut melibatkan kehilangan nyawa; kedudukan yang baik dalam masyarakat sebelum di tangkap; kelakuan semasa dalam tahanan; dan kelakuan semasa perbicaraan. Hanya lebih dari separuh jumlah banduan dengan rayuan akhir telah memohon pengampunan setakat bulan Februari 2019 (425 dari 764).

Bercanggah dengan cadangan di bawah amalan antarabangsa, undang-undang Malaysia tidak menjamin hak untuk wakil guamandalam proses permohonan pengampunan. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, beberapa inisiatif percuma telah didirikan untuk mengatasi kelemahan ini tetapi masih agak terhad dan tidak tetap kerana kekurangan tenaga kerja. Kriteria pihak berkuasa penjara membuat pemilihan pesalah yang layak untuk khidmat ini juga kurang jelas. Kualiti petisyen pengampunan juga berbeza bergantung kepada wujudnya bantuan wakil guaman atau tidak, termasuklah hujahan dan kredibilitinya.

Masalah ini lebih parah kepada rakyat asing, yang mewakili lebih separuh dari mereka yang tidak memfailkan permohonan pengampunan. Ditahan di tempat yang jauh dari jaringan sokongan, warga asing mempunyai cabaran dalam penyediaan petisyen pengampunan, terutama mereka yang menerima sedikit atau tiada langsung sokongan dari pihak kedutaan negara mereka.

Akhir kata, undang-undang dan amalan antarabangsa mewajibkan sesebuah negara menyediakan maklumat segera di semua peringkat proses ini, tetapi masih tiada pengumuman keputusan yang diberitahu kepada banduan atau wakil mereka, dan masih tidak jelas bagaimana permohonan diutamakan. Jika pengampunan tidak berjaya, permohonan boleh diketepikan, dipertimbangkan pada sidang Lembaga Pengampunan akan datang; atau boleh ditolak. Jika ditolak, makluman akan dihantar semula kepada mahkamah perbicaraan dan pihak penjara untuk memulakan proses menghukum mati. Banduan dan keluarga hanya dimaklumkan tentang penolakan petisyen hanya beberapa hari sebelum hukuman dijalankan.

USUL/CADANGAN

Memandangkan bilangan pelanggaran undang-undang dan amalan antarabangsa dalam pelaksanaan hukuman mati di Malaysia, telah tiba masa untuk pihak berkuasa bertindak dan mengubah undang-undang hukuman mati wajib di Malaysia. Penggubalan undang-undang hukuman mati mandatori yang telah diumumkan kerajaan merupakan satu peluang kritikal yang tidak patut dilepaskan.

Menjelang pembukaan sesi Parlimen Oktober 2019, Amnesty International sekali lagi menggesa pihak berkuasa Malaysia dengan segera membentangkan rang undang-undang di Parlimen supaya undang-undang negara selari dengan undang-undang dan standard hak asasi manusia antarabangsa, sebagai langkah pertama yang penting dalam usaha memansuhkan hukuman mati di negara tersebut.

Sementara menunggu pemansuhan sepenuh hukuman mati, Amnesty International mengesyorkan kepada kerajaan Malaysia:

1. Terus meletakkan moratorium terhadap pelaksanaan hukuman mati sehingga hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya di negara ini dan semua hukuman mati dikaji semula dan diubah;

2. Bentangkan rang undang-undang menghapuskan hukuman mati mandatori terhadap semua jenayah, termasuk mengedar dadah, dan memberi mandat kepada badan kehakiman untuk mengkaji semula semua kes dimana pesalah dijatuhkan hukuman mati, dengan niat memansuhkan hukuman mati tersebut;
3. Menggubal undang-undang negara supaya selaras dengan undang-undang dan standard antarabangsa, termasuk memansuhkan peruntukan undang-undang yang membenarkan hukuman mati untuk kesalahan yang tidak menepati batas “jenayah paling serius” atau membunuh dengan niat; meminda “anggapan” bersalah dibawah Akta Dadah Merbahaya 1952 (DDA) dan Akta Senjata Api 1971, dan juga peruntukan dalam DDA yang membolehkan kenyataan yang mengancam diri; dan merumuskan satu kaedah untuk pembetulan selepas seseorang didapati bersalah.;
4. Memastikan semua yang menghadapi hukuman mati diberi bantuan guaman yang cekap dari saat mereka mula menghadapi tuduhan, dan memastikan tenaga kerja untuk skim bantuan guaman kes hukuman mati mencukupi;
5. Memastikan penyiasatan segera, mendalam, adil dan berkesan oleh pihak yang adil dan tidak berat sebelah terhadap dakwaan seksaan dan layanan buruk oleh polis dan pihak berkuasa yang lain, dan mangsa mendapat akses kepada pemulihan dan pampasan; dan jika terdapat bukti-bukti yang nyata, mereka yang bertanggungjawab harus didakwa di bawah perbicaraan yang menepati standard antarabangsa untuk perbicaraan yang adil tanpa penggunaan hukuman mati;
6. Mewujudkan satu prosedur yang jelas dan nyata untuk mempertimbangkan semula permohonan pengampunan, supaya proses pengampunan menepati matlamatnya menjamin perbicaraan adil.
7. Menerbit dengan penuh dan terperinci maklumat mengenai pelaksanaan hukuman mati di Malaysia, termasuk maklumat jantina, kewarganegaraan dan kaum. Ini membolehkan perbincangan dan perbahasan orang ramai yang berasaskan maklumat dan fakta.

Senarai penuh cadangan-cadangan boleh dilihat di Seksyen 5 laporan ini.

**AMNESTY INTERNATIONAL
IALAH SEBUAH GERAKAN
SEJAGAT UNTUK HAK ASASI
MANUSIA, BILA BERLAKU
KETIDAK ADILAN KEPADA
SEORANG INSAN, IA MENJADI
SATU ISU/PERKARA KEPADA
KITA SEMUA**

HUBUNGI KAMI



info@amnesty.org



+44 (0)20 7413 5500

SERTAI PERBUALAN



www.facebook.com/AmnestyGlobal



[@Amnesty](https://twitter.com/Amnesty)

KECACATAN YANG MEMBAWA MAUT

KENAPA MALAYSIA HARUS MANSUHKAN HUKUMAN MATI?

Hukuman mati dikekalkan di bawah undang-undang Malaysia untuk lebih 30 kesalahan dan selalu di laksanakan untuk kesalahan2 seperti- mengedar dadah- yang tidak sampai batas sempadan “jenayah paling serius”, yang mana pelaksanaan hukuman ini mesti di bataskan di bawah undang2 dan standard antarabangsa. Sehingga September 2019, lebih dari 1,290 orang telah di hokum mati.

Kajian Amnesty International telah mengetengahkan beban hukuman mati dia Malaysia yang sebahagian besarnya terpicul di bahu pesalah yang disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah, yang mana termasuklah wanita dan rakyat asing. Sejumlah besar mereka yang di hukum mati ini terdiri dari mereka yang dari latar belakang yang kurang bernasib baik dari segi sosio-ekonomi dan dari kalangan etnik minoriti tertentu. Hasil kajian ini lebih besar kesannya bila dipertimbangkan dalam konteks undang-undang dan polisi yang bercanggah dengan undang-undang dan standard antarabangsa dan telah menambah lagi lapisan kesewenangan dalam menggunakan hukuman tersebut. Laporan ini menumpukan kebimbangan khusus berkaitan hak untuk perbicaraan adil dan hak untuk mendapat pengampunan atau perubahan hukuman.

Amnesty International menyeru pihak berkuasa di Malaysia untuk mengambil tindakan segera meminda hukuman mati mandatori terhadap semua kesalahan dan mengubah undang-undang negara agar selari dengan undang-undang dan standard hak asasi antarabangsa, sebagai langkah awal yang kritikal ke arah pemansuhan penuh hukuman yang kejam, tidak berperi kemanusiaan dan hina.